

Kerajaan lindungi kanak-kanak tanpa beza bangsa, status

BH- 18/11/2021 m/s: 2

Malaysia pastikan generasi muda hidup gembira, tak terpinggir arus pembangunan

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menegaskan kerajaan bertanggungjawab dalam melindungi semua kanak-kanak di negara ini tanpa mengira kewarganegaraan, bangsa, agama, kelahiran atau status lain.

Perdana Menteri berkata, dasar perlindungan kanak-kanak amat perlu pada masa ini selaras falsafah Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) 1995 dan Akta Kanak-Kanak 2001 yang juga menekankan prinsip perlindungan kepada kanak-kanak.

“Dalam hal ini, Malaysia berpegang teguh dengan matlamat Pembangunan Lestari (SDG) yang menjadi agenda global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) supaya tiada kanak-kanak terpinggir dalam pembangunan negara dan mereka berhak untuk hidup dengan selamat serta gembira,” katanya berucap pada sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia di Bangunan Parlimen, di sini, semalam.

Majlis itu dianjurkan Tabung

Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF).

Yang turut hadir, Yang Dipertua Dewan Negara, Tan Sri Dr Rais Yatim; Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Azhar Azizan Harun; Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Mohd Rashid Hasnon dan wakil UNICEF ke Malaysia serta Wakil Khas ke Brunei, Dr Rashed Mustafa Sarwar.

Ismail Sabri berkata, antara Jun 2020 hingga Ogos tahun ini 1,721 kes keganasan seksual terhadap kanak-kanak direkodkan, manakala 2,162 kes aktif sedang dalam perbicaraan.

“Kanak-kanak amat berharga di hati saya kerana mereka merupakan anugerah Tuhan yang amat berharga kepada kita.

“Saya percaya, adalah tidak memadai jika kita hanya memperuntukkan satu hari dalam setahun untuk memperingati hak dan keperluan yang sepatutnya dinikmati mereka.

“Kita sebenarnya perlu berusaha lebih untuk melindungi kanak-kanak kerana ada antara mereka bakal menjadi pemimpin yang hebat pada masa akan datang,” katanya.

Beliau berkata, setiap kanak-kanak mempunyai hak asasi untuk mendapatkan pendidikan dan membesar dalam suasana yang kondusif agar mereka mampu menjadi individu yang boleh mencapai potensi penuh dan mengejar impian.

Ismail Sabri berkata, selaras konsep Keluarga Malaysia dan pelantikan Malaysia menduduki

kerusi di Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNHRC), kerajaan komited memberi perlindungan kepada kanak-kanak, terutama golongan rentan, mangsa keganasan seksual dan rumah tangga.

Beliau berkata, kerajaan tegas dalam memperkukuhkan rangkaian penuh hak semua kanak-kanak di bawah bidang kuasa Malaysia dan meningkatkan kerjasama dengan pelbagai sektor serta antara agensi, termasuk pihak berkuasa tempatan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pertubuhan antarabangsa di bawah PBB.

“Kita juga tidak lupa kepada perlindungan kanak-kanak dalam tahanan. Malaysia memberi komitmen menangani isu ini dengan penubuhan program Alternatif untuk Penahanan (ATD) selepas kerajaan menjadi anggota UNHRC,” katanya.

Beliau berkata, pandemik COVID-19 yang melanda dunia juga mengakibatkan perubahan besar terhadap sosioekonomi di seluruh dunia, tetapi wabak yang melanda ini tidak harus menggoyahkan keazaman semua pihak dalam memberi perlindungan dan kesejahteraan kepada kanak-kanak.

“Sehubungan itu, usaha bersepadu sektor awam dan swasta serta masyarakat secara amnya sangat diperlukan bagi mewujudkan persekitaran yang lebih baik dan selamat untuk kanak-kanak membina masa depan mereka,” katanya.